

6 MAC 2018

## 5 ditahan, dadah RM6.2 juta dirampas

# 5 ditahan, dadah RM6.2 juta dirampas

**Kajang:** Polis menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah selepas menahan lima individu dan merampas lebih 130 kilogram (kg) pelbagai jenis bahan larangan itu dianggarkan bernilai RM6.2 juta.

Kesemua suspek ditahan secara berasingan melalui tujuh siri serbuan dijalankan dalam tempoh lima jam bermula jam 7.30 malam Sabtu lalu di sekitar Johor, Kuala Lumpur dan Selangor.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata serbuan dila-

kukan jabatan itu bersama-sama Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman.

### Rekod jenayah lampau

"Kita berjaya melumpuhkan satu sindiket didalangi empat lelaki dan seorang wanita warga tempatan berusia antara 28 hingga 48 tahun.

"Empat suspek ditahan di kawasan Ledang, Johor, manakala seorang lagi suspek ditahan di ibu negara. Hasil pemeriksaan kita mendapati dua daripada mereka mempunyai rekod jenayah lampau berkait

kes dadah.

"Semua yang ditahan direman selama tujuh hari hingga 10 Mac depan mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang di sini, semalam.

Hasil serbuan dijalankan, beliau berkata, polis merampas 43.7kg dadah disyaki syabu, 53.95kg disyaki pil ecstasy, 31.40kg disyaki heroin, 3.75kg disyaki ketamin dan 2,000 pil disyaki erimin 5.

### Untuk Edaran negara jiran

"Kesemua dadah ini dianggarkan bernilai RM6.2 juta dan disyaki untuk diedarkan ke negara jiran serta pasaran tempatan, dipercayai untuk kegunaan kira-kira 491,000 penagih," katanya.

Mohamad berkata, pihaknya turut menyita kenderaan dan wang tunai milik sindiket berkenaan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM634,000.

"Antara kenderaan disita ialah enam kereta pelbagai jenis, sebuah motosikal jenis Yamaha Legend, seutas rantai emas dan loket serta wang tunai berjumlah RM66,068," katanya.